

- 7 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Setiap malam dia akan membantu ibu membuat karipap untuk dijual di pasar malam. Ibunya akan memberi upah kepada Rohidah sehari RM 2. Rohidah himpun duit itu dengan menabung untuk membeli buku latihan SPM.

Di sekolah, ketika rehat Rohidah akan berjimat cermat berbelanja di kantin, cukuplah tiga biji kuih atau sebungkus nasi lemak sebagai alas perut. Kadang kala sahaja ke kantin sekolah. Makanan ketika itu, semuanya berharga 50 sen. Jika teringin makan laksa atau mi kuah dia akan membawa wang saku lebih.

Dipetik daripada  
'Deraian Tangisan Silam', Ahmad Safarman Dollah,  
*Pendidik Bil. 135, Mei 2019*

**Bahan 2**

**SYAIR PANDUAN HIDUP SEJAHTERA**

Generasi muda tonggak negara,  
Persiapkan diri dengan segera,  
Jika ingin hidup sejahtera,  
Hendaklah pandai berkira-kira.

Mantapkan diri siap siaga,  
Kebebasan ekonomi sangat berharga,  
Fikirkan dahulu keperluan keluarga,  
Sebelum membeli bandingkan harga.

Didiklah anak sedari muda,  
Jadikan menabung amalan berkala,  
Ibu dan bapa jadilah idola,  
Masa hadapan pasti terbela.

Generasi muda hendaklah matang,  
Janganlah asyik menggapai bintang,  
Elakkan diri daripada berhutang,  
Supaya tenang hari mendatang.

Hendaklah berhemat bijak menyimpan,  
Untuk jaminan masa hadapan,  
Pastikan kewangan sentiasa mapan,  
Hidup sejahtera itu harapan.

Sumber:  
Salasiah Sabran,  
*Pendidik Bil. 136, Jun 2019*